**SHAH LATIFF SDN BHD & SATU LAGI** A

**lwn.**

**KARAM SINGH WALIA & YANG LAIN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
ROSILAH YOP PK
[GUAMAN NO: S-23-105-2006]
28 JANUARI 2011

***TORT:*** *Fitnah - Kata-kata fitnah - Penyiaran melalui program televisyen kata-kata, gambaran visual dan gerak-gerak isyarat yang didakwa memfitnahkan - Laporan televisyen mengenai kegiatan pelupusan sampah yang boleh menjejaskan kawasan tadahan air - Sama ada penyiaran mengandungi unsur-unsur fitnah - Sama ada telah diterbitkan kepada pihak ketiga - Sama ada ditujukan kepada plaintif - Sama ada plaintif perlu dirujuk dengan namanya dalam penyiaran - Sama ada pembelaan justifikasi, kepentingan bersyarat dan kepentingan awam Reynolds terpakai* C D

***TORT:*** *Fitnah - Pembelaan - Justifikasi - Sama ada plaintif telah mengakui bahawa kandungan yang disiarkan itu adalah benar - Akta Fitnah 1957, s. 8* E

***TORT:*** *Fitnah - Pembelaan - Kepentingan awam Reynolds - Unsur yang perlu dibuktikan - Sama ada terdapat sensasi atau kemasyuran yang tidak wajar* F

***TORT:*** *Fitnah - Pembelaan - Perlindungan bersyarat - Sama ada wujud keadaan yang dilindungi - Sama ada terdapat 'reciprocity' antara defendan-defendan dengan orang yang menerima penyiaran - Sama ada kandungan yang disiarkan mempunyai maklumat kepentingan awam - Sama ada terdapat unsur 'malice'* G

Plaintif kedua merupakan Pengarah Urusan plaintif pertama. Defendan pertama adalah Editor Tugasan, Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa di Stesen TV3, iaitu defendan ketiga. Manakala, defendan kedua adalah Pengarah Bahagian tempat defendan pertama bertugas. Dari 7 Mac 2006 hingga 10 Mac 2006, semasa perjalanan siri laporan-laporan untuk satu program televisyen bertajuk 'Bulletin Utama' yang disiarkan di TV3, defendan-defendan telah menyiarkan perkataan-perkataan, gambaran visual dan gerak-gerak isyarat seperti di dalam P2 H I

(penyataan berunsur fitnah) yang didakwa telah memfitnahkan plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif mendakwa bahawa mereka telah mengalami kerosakan dan menuntut gantirugi terhadap defendan-defendan. Defendan-defendan, dalam menafikan fitnah, mengatakan bahawa (i) apa yang disiarkan itu adalah fakta yang sebenarnya berlaku (ii) laporan-laporan itu berbentuk kepentingan awam dan (iii) penonton-penonton TV3 atau orang awam mempunyai kepentingan untuk mengetahui isu-isu yang dipaparkan dalam P2. Defendan-defendan membangkitkan pembelaan justifikasi, kepentingan bersyarat dan kepentingan awam Reynolds. Siaran tersebut (seperti dalam P2) adalah mengenai kegiatan pelupusan sampah di Kuala Langat yang dikatakan jika tidak dibendung dari awal mungkin akan menjejaskan satu lagi kawasan tadahan air. Defendan pertama telah melaporkan bahawa aduan telah dibuat oleh penduduk Kampung Rancangan Tanah Belia Bukit Canggang, Banting, Selangor mengenai kegiatan yang dilakukan oleh syarikat kontraktor swasta yang memungut sampah dari KLIA dan KLCC serta beberapa hotel besar di Kuala Lumpur.

**Diputuskan (menolak tuntutan plaintif-plaintif dengan kos):**

**(1)** Dalam apa-apa tindakan mengenai fitnah, beban bukti adalah terletak ke atas plaintif-plaintif bahawa perkara-perkara yang diadukan adalah: (i) penyataan-penyataan mengandungi unsur-unsur fitnah; (ii) telah diterbitkan kepada pihak ketiga (penerbitan); dan (iii) penyataan-penyataan fitnah ditujukan kepada plaintif. (perenggan 9)

**(2)** Kandungan P2 merujuk kepada plaintif-plaintif. Perkataan-perkataan yang diadukan adalah bertujuan untuk mengakibatkan plaintif-plaintif dibenci, dipersenda atau dihina dalam minda seorang yang munasabah atau sama ada perkataan-perkataan tersebut berkecenderungan untuk merendahkan plaintif-plaintif dalam pandangan ahli-ahli masyarakat yang berfikiran waras secara amnya dan khasnya, di dalam kes ini, pada pandangan penonton-penonton yang munasabah yang menonton kandungan P2 melalui siaran Buletin Utama TV3. Oleh yang demikian, kandungan dalam P2 merupakan penyataan-penyataan yang berunsur fitnah terhadap plaintif-plaintif. (perenggan 22 & 23)

**(3)** Kandungan P2 telah diterbitkan dengan cara menyiarkan untuk empat malam berturut-turut. Maka, defendan-defendan telah menyiarkan perkataan, gambaran visual dan gerak-gerak isyarat seperti di dalam P2. (perenggan 23)

**(4)** Tidak perlu untuk plaintif-plaintif dirujukkan kepada nama mereka. Plaintif-plaintif boleh dirujuk dengan karikatur, nama samaran, lukisan, gambar dan lain-lain lagi. Walaupun plaintif kedua tidak dinamakan, tetapi di dalam P2 jelas menunjukkan gambar plaintif kedua yang sedang berkata, "Encik Karam tolonglah jangan masukan kat TV, saya malu. Tolonglah ini last time, kalau jadi lagi, masuklah, takpe, saya janji". Bagi seseorang penonton yang munasabah yang menonton kandungan P2 akan memahami bahawa penyataan berunsur fitnah dalam P2 isu ditujukan kepada plaintif pertama dan plaintif kedua. (perenggan 27 & 33)

**(5)** Berkenaan pembelaan justifikasi di bawah s. 8 Akta Fitnah 1957, fakta mengenai pencemaran alam sekitar telah diakui oleh plaintif-plaintif. Maka, plaintif-plaintif mengakui bahawa kandungan P2 yang disiarkan itu adalah benar. (perenggan 38)

**(6)** Pembelaan perlindungan bersyarat hanya terpakai di dalam keadaan di mana ujudnya keadaan yang dilindungi. Bagi mengujudkan 'privilege occasion', mestilah terdapat satu hubungan dua hala 'reciprocity' di antara defendan-defendan dengan orang yang ditujukan untuk menerima atau penonton-penonton TV3. Kandungan P2 yang disiarkan itu mempunyai maklumat kepentingan awam negara berhubung dengan pencemaran alam sekitar. Orang awam adalah berhak untuk dimaklumkan mengenai pencemaran alam sekitar agar mereka tidak menderita akibat penyakit daripada pencemaran alam sekitar dan hidup di dalam suasana yang nyaman bebas dari pencemaran. Oleh itu, defendan-defendan dilindungi di bawah 'qualified privilege' di dalam menyiar dan menerbitkan kandungan P2. Siaran kandungan P2 tidak mempunyai unsur 'malice'. (perenggan 46, 50, 57 & 59)

**(7)** Untuk pembelaan kepentingan awam Reynolds terpakai, dua unsur perlu dipatuhi iaitu: (i) kandungan penyataan-penyataan atau laporan-laporan mestilah berkepentingan awam; dan (ii) defendan-defendan telah berkelakuan dengan munasabah dalam penerbitan laporan-laporan tersebut. Kandungan P2 mengenai pencemaran alam adalah satu perkara kepentingan awam. Tiada terdapat sensasi atau kemasyuran yang tidak wajar. Maka, penyiaran adalah munasabah dan defendan-defendan telah melaksanakan tugas-tugas kewartawanannya dengan penuh tanggungjawab. (perenggan 60, 61 & 65)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor [1966] 1 LNS 5 FC* ***(dirujuk)***

*Adam v. Ward [1917] AC 309* ***(dirujuk)***

*Blackshaw v. Lord [1983] 2 All ER 311* ***(dirujuk)***

*David Syme & Co v. Canavan [1918] 25 CLR 234* ***(dirujuk)***

*Halim Arsyat v. Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Ors [2001] 7 CLJ 268 HC* ***(dirujuk)***

*Jones v. Skelton [1963] 3 All ER 952* ***(dirujuk)***

*Knupffer v. London Express Newspaper Ltd [1944] AC 116* ***(dirujuk)***

*Le Mercier's Fine Furnishings Pte Ltd & Anor v. Italcomm (Malaysia) Sdn Bhd [1996] 3 CLJ 590 HC* ***(dirujuk)***

*Mark Ignatius Uttley v. Wong Kam Hor & Anor [2002] 8 CLJ 628 HC* ***(dirujuk)***

*Morgan v. Odhams Press Ltd [1971] WLR 1239* ***(dirujuk)***

*S Pakianathan v. Jenni Ibrahim & Another Case [1988] 1 CLJ 771; [1988] 1 CLJ (Rep) 233 SC* ***(dirujuk)***

*Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub v. Bre Sdn Bhd & Ors [1995] 1 LNS 304 HC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Defamation Act 1957, s. 8

Evidence Act 1950, s. 58

Rules of the High Court 1980, O. 18

**Sumber-sumber yang dirujuk:**

*Carter Rack on Libel and Slander,* ms 54

*Gatley on Libel And Slander,* edisi 11, perenggan 11.9, ms 320-321

Keith R Evans, *The Law of Defamation in Singapore and Malaysia,* 2nd edn, ms 62

*Bagi pihak plaintif-plaintif - Amir Feisal Ariff; T/n Loh Chow Tet & Assocs*
*Bagi pihak defendan-defendan - TH Liew; T/n TH Liew*

*Dilaporkan oleh Amutha Suppayah*

## PENGHAKIMAN

**Rosilah Yop PK:**

### Ringkasan Fakta Kes

**[1]** Plaintif kedua merupakan Pengarah Urusan plaintif pertama. Defendan pertama adalah Editor Tugasan, Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa di Stesen TV3 iaitu defendan ketiga. Manakala defendan kedua adalah Pengarah Bahagian tempat defendan pertama bertugas.

**[2]** Pada 7 Mac 2006, 8 Mac 2006, 9 Mac 2006 dan 10 Mac 2006, semasa perjalanan siri laporan-laporan untuk satu program televisyen bertajuk 'Buletin Utama' yang disiarkan di TV3 di antara jam 8 malam hingga 9 malam, defendan-defendan telah menyiarkan perkataan-perkataan, gambaran visual dan gerak-gerak isyarat seperti di dalam P2 yang telah didakwa telah memfitnahkan plaintif-plaintif.

**[3]** Akibat daripada siaran tersebut, plaintif pertama telah mengalami kerosakan dalam kewibawaan dan reputasinya dalam perniagaan diseret kepada skandal awam, kebencian dan penghinaan dan menanggung kerugian.

**[4]** Plaintif kedua pula terasa dihina atau dibenci, dicemuh dan reputasinya dalam perniagaan terjejas.

**[5]** Kesan penyataan yang dibuat oleh defendan-defendan dalam P2 tersebut, telah merendahkan plaintif-plaintif dalam pandangan masyarakat yang berfikiran wajar secara amnya.

**[6]** Plaintif pertama dan plaintif kedua telah alami kerosakan dan menuntut gantirugi terhadap defendan-defendan.

**[7]** Defendan-defendan pula menafikan yang kandungan dalam P2 yang disiarkan itu berunsur fitnah. Defendan-defendan mengatakan apa yang disiarkan itu adalah fakta yang sebenarnya berlaku dan laporan-laporan itu berbentuk kepentingan awam dan penonton-penonton TV3 atau orang awam mempunyai kepentingan untuk mengetahui isu-isu yang dipaparkan dalam P2.

**[8]** Defendan-defendan telah menafikan yang kandungan P2 memfitnah plaintif-plaintif dan membangkitkan pembelaan justifikasi, kepentingan bersyarat dan kepentingan awam Reynolds.

## Beban Bukti

**[9]** Adalah undang-undang matan bahawa dalam apa-apa tindakan mengenai fitnah, beban bukti adalah terletak ke atas plaintif-plaintif bahawa perkara-perkara yang diadukan adalah:

i. samada penyataan-penyataan mengandungi unsur-unsur fitnah;

ii. telah diterbitkan kepada pihak ketiga (penerbitan);

iii. penyataan-penyataan fitnah ditujukan kepada plaintif.

**[10]** Tiga elemen penting ini mesti dibuktikan oleh plaintif-plaintif untuk berjaya di dalam tuntutannya.

*i. Samada Penyataan-penyataan Mengandungi Unsur-unsur Fitnah*

Penyataan berunsur fitnah di dalam tindakan ini merupakan perkataan-perkataan, gambaran visual dan gerak isyarat yang diperkatakan seperti di dalam P2 (penyataan berunsur fitnah) dan trankripsinya di P3.

Plaintif-plaintif menyatakan penyataan-penyataan yang berunsur fitnah adalah seperti dalam P2. Berikut adalah trankripsi dari P2 yang dikatakan berunsur fitnah. Transkripsi ini adalah P3 yang mana telah diplikan di dalam penyata tuntutan terpinda plaintif.

BULETIN UTAMA: 7/03/2006

ALIN

Dan ini pula kegiatan pelupusan sampah di Kuala Langat yang jika tidak dibendung dari awal mungkin menjejaskan satu lagi kawasan tadahan air.

Bersama Karam Singh Walia untuk laporan seterusnya.

V/O KARAM

Aduan dibuat penduduk kampung Rancangan Tanah Belia Bukit Canggang, Banting, Selangor.

Kawasan lebih 2 hektar ini didakwa penduduk sudah beroperasi lebih 2 tahun.

SOT: RAHIM KOMARI/KETUA KAMPUNG

Tindakan saya dah buat. Alam Sekitar pun saya dah bagi tahu. Masalah dah bagi tahu jadi tak tahu apa lagi dah.

SOT: MOHD AMIR RAPINI ISHAK/PENDUDUK KAMPUNG

Masalahnya, macam saya ada anak-anak kecikkan, kalau kena sakit, pegi klinik, kena pakai duit lagikan. Jangan fikir tuan punya sampah sini, jangan fikir untung sajalah kebersihan diutamakan dulu.

V/O KARAM

Tinjauan mendapati air sampah dibiarkan mengalir tanpa sebarang rawatan.

Kebimbangan utama ialah kemungkinan ia memasuki alur air dan mengalir ke dalam sungai.

Untuk rekod, hilir Sungai Langat terletak dalam kawasan ini.

Penemuan kolam ini membuka seribu satu kemungkinan.

SOT: MUKA DIA MOSAIC

(BJ) Najis ye? A : Najis Mas la tu. Najis Mas tu. Tak caya pegila Uncle check. Orang cakap taik. Memang taik benda tu (BJ) Taik daripada Mas? A : Hitam, dah hitam. Dia jadi dah macam kimia. Apa tu hitam. (BJ) Memang buang kat sini? A : Buang kat longkang ni hitam-hitam tu longkang tu. Bila kita jumpa driver tanyakan taik, dia cakap. (BJ) Dari KLIA? KLIA, semua barang ni KLIA lagi, lagi satu mana tu KLCC pun ada diaorang hantar sini la.

V/O KARAM

Selepas dihubungi, pegawai beberapa Jabatan termasuk Jabatan Alam Sekitar turun padang menyiasat.

Siasatan mendapati tapak berkenaan menyalah syarat guna tanah yang masih lagi berstatus pertanian.

Selain itu, sampah terbabit pernah dihantar ke tapak pelupusan sampah di Pajam, Nilai, Negeri Sembilan.

SOT : MOHD HAFIZ SHAARI/PENOLONG PEGAWAI DAERAH TANAH KUALA LANGAT

Kita akan arahkan tuan tanah ini tutup dengan serta merta dan buat pemulihan syarat tanah la dari segi pemantauan. Kita kan control, kita takkan bagi lagi apa sisa ni masuk dan untuk tuan tanah tu kita mintak dia pulih balik, pulih syarat ni dan kita akan jagalah.

SOT : TUAN TANAH

Encik Karam tolonglah jangan masuk kat TV. Saya malu. (BJ) Kita jalankan tugas Puan. Tolonglah ini last time kalau jadi lagi, masuklah, takpe saya janji.

V/O KARAM

Visual ini nyata menyayat hati.

Namun, tangisan alam sekitar yang diperkosa juga perlu diberi belas kasihan.

Beberapa sampel licik turut diambil JAS Selangor untuk siasatan lanjut.

Selain diarah tutup serta merta, tempoh 3 minggu diberi untuk memindah semua sampah.

STAND UPPER : KARAM SINGH WALIA

Kami tahan diterkam panas mencari sekam di dalam padi. Jangan tunggu pencemaran mengganas kerana sampah Selangor dikenali. Apa yang berlaku di sini langsung tidak masuk akal seolah aduan rakyat langsung tidak dipedulikan pihak berwajib. Kalau kes Sungai Selangor menjadi cemuhan berpuluh ribu penduduk Lembah Klang, minggu lepas jangan tunggu sehingga sungai lain pula dicemari kerana mengharapkan pihak wajib bertindak ibarat harap punya harap jangan sampai terus menyiarap. Karam Singh Walia, Banting, TV3.

BULETIN UTAMA : 8/03/2006

SUHAIMI

Ini pula kisah kontraktor sampah degil diarah henti operasi semalam.

Namun siang tadi, sambung operasi walaupun kerja yang dilakukan tidak serupa.

Namun, salah tetap salah.

ALIN

Hasilnya jengkaut yang digunakan menceroboh tanah kerajaan disita dan dirampas.

V/O KARAM

Semalam Buletin Utama memaparkan kegiatan melupuskan sampah secara haram berhampiran kampung Tanah Rancangan Belia Bukit Canggang di Banting.

Penduduk mendakwa kegiatan ini dilakukan syarikat Kontraktor swasta yang memungut sampah dari KLIA dan KLCC serta beberapa hotel besar di Kuala Lumpur.

Kegiatan terbabit jelas melanggar Kanun Tanah Negara 1965 kerana melanggar syarat guna tanah serta mencemarkan kawasan persekitaran dengan melepaskan air kotor sampah atau licik ke jaringan perparitan awam serta Sungai Langat.

Tapak diarah tutup serta merta kawalan 24 jam menghalang lori membawa sampah masuk turut dikuatkuasakan.

Namun tinjauan siang tadi, bersama ADUN Dengkil, Suhaimi Mohd Ghazali mendapati kontraktor terbabit dalam proses menggali terusan ini untuk mengakir licik ke parit bersebelahan.

Perbuatan licik ini jelas mengecewakan Suhaimi yang mengarahkan terusan terbabit di jalan tanah milik kerajaan dikambus semula.

Jengkaut ini pula disita dan dirampas Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965.

Yang pasti, jengkaut terbabit akan digunakan untuk proses pendakwaan.

Suhaimi juga kecewa dengan proses memindahkan sampah ini ke tapak pelupusan sampah Pajam, di Nilai, Negeri Sembilan yang disifatkan beliau lembap.

Selain bimbang dengan kadar peningkatan kegiatan melupuskan sampah secara haram.

SOT : SUHAIMI MOHD GHAZALI/ADUN DENGKIL

Sekiranya, amalan ini berterusan ianya akan memberi impak besar kepada kita, di mana sungai akan tercemar, masyarakat kampung akan mempunyai apa pencemaran bau dan udara. Pada masa sama yang lebih khuatir adalah wujudnya elemen-elemen menyebar penyakit yang mungkin tidak dapat dikawal.

V/O KARAM

Susulan itu, tindakan keras akan dikenakan terhadap Syarikat Kontraktor ini agar ia menjadi teladan pada yang lain.

STAND UPPER : KARAM SINGH WALIA

Keuntungan sepanjang jalan, malang sekejap mata kerana kerja yang diamalkan menyalahi undang-undang Negara pengusaha tapak pelupusan sampah haram ini juga diberi

amaran keras oleh Pejabat Daerah Kuala Langat untuk memindahkan semua sampah di sini ke Pajam, Nilai dalam tempoh sebulan jika gagal tanah ini akan dirampas di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Ibarat kusut di hujung dengan pangkal kerna salah dari mula. Karam Singh Walia, Banting, TV3.

BULETIN UTAMA : 9/03/2006

SUHAIMI

Malaysia Airport memandang serius pendedahan Buletin Utama dua hari berturut-turut mengenai pelupusan sampah secara haram oleh syarikat yang dilantik oleh mereka.

Dalam satu kenyataan MAB Holdings Sdn. Bhd. berkata pihaknya masih menunggu laporan siasatan dari beberapa Jabatan berhubung pemindahan itu.

ALIN

Laporan kami menyusul selepas aduan penduduk kampung tanah Rancangan Belia Bukit Canggang di Banting, Selangor mengenai lokasi pembuangan haram.

Menurut Pengurus Kanan, Komunikasi Korporat Noraini Saat, tindakan wajar akan diambil terhadap Syarikat Pemunggah Sampah terbabit jika ia didapati melanggar syarat-syarat kontrak.

SUHAIMI

Apa pun tinjauan susulan wartawan, Karam Singh Walia mendapati banyak persoalan perlu dijawab berhubung jenis sampah yang dibuang oleh kontraktor terbabit.

Ia termasuk kumbahan yang boleh dikategorikan sebagai mudah terbakar.

Semua ini akan kami siarkan.

BULETIN UTAMA : 10/03/2006

SUHAIMI

Dan pendedahan kami berhubung pelupusan sampah di kawasan yang tidak dikhususkan di Banting, Selangor juga membuka satu persoalan yang mungkin membabitkan terma dalam perjanjian pelupusan sampah dengan pihak ketiga.

LIZA

Dan kemungkinan perlunya, pihak berkenaan memastikan hanya syarikat yang bertauliah melakukan kerja-kerja pelupusan itu. Kita bersama Karam Singh Walia.

V/O KARAM

Apa yang didedahkan Buletin Utama berhampiran kampung Rancangan Tanah Belia Bukit Canggang, Banting, Selangor Selasa lalu mendapat perhatian serius pelbagai pihak.

Ia termasuk aduan ADUN Dengkil, Suhaimi Mohd Ghazali.

SOT : SUHAIMI MOHD GHAZALI/ADUN DENGKIL

Kita percaya syarikat itu diamanahkan termasuk oleh MAB, KLIA dan KLCC kerana mereka menunjukkan keupayaan mengendalikan proses pembuangan sampah tetapi apa yang berlaku mereka tidak menjadi kontraktor yang tidak bertanggungjawab.

V/O KARAM

Sedar tidak sedar kontraktor terbabit mengabaikan amanat majikan mereka. Tindakan itu, bagaimanapun mengundang bahaya jika jenis bahan yang dilupus diambilkira.

Dengan persetujuan Malaysia Airport Berhad, kami membuat liputan ini di Kompleks Penerbangan Malaysia.

Pelbagai jenis sampah termasuk bahan mudah terbakar dicampur adukkan tanpa ada sebarang pengasingan dibuat mahupun dimasukkan ke dalam bekas khas.

Kain pengelap berbau kimia pelarut dan bahan lain yang berbahaya turut dibuang bersama.

Persoalannya, sekali lagi ialah tugas itu di dalam bidang kuasa siapa, ada baiknya kemampuan kontraktor dikenalpasti atau dilesenkan dan tugas mereka dipantau agar kawasan tanah lapang tidak dijadikan sasaran.

STAND UPPER : KARAM SINGH WALIA

Dari buai hingga ke kubur atau from cradle to grave principle inilah prinsip sewajarnya mesti dipraktikkan MAB serta KLCC dan mana-mana korporat yang memberi kontrak pemunggahan sampah kepada syarikat kontraktor swasta sebahagian daripada kejadian memalukan yang

A berlaku di Banting, Selangor perlu dipikul oleh korporat gergasi ini kerana tidak memantau kegiatan haram mereka. Ibarat kambing menyusui anak harimau sudah besar dipatahkan tengkuknya.

B **[11]** Undang-undang adalah jelas untuk menjadikan sesuatu penyataan itu fitnah atau tidak, penyataan yang dipersoalkan itu tidak perlu memberi kesan sebenar ke atas reputasi seseorang tetapi undang-undang menetapkan memadai dengan terdapatnya kecenderungan(tendency).

C **[12]** Di dalam kes *Mark Ignatius Uttley v. Wong Kam Hor & Anor* [2002] 8 CLJ 628 Kamalanathan Ratnam H menyatakan:

> As to whether the said meaning is defamatory, the test is to see if such words tend to make reasonable people think the worse of the plaintiff or whether such words would cause him to be
D shunned or avoided.

**[13]** Untuk menentukan sama ada perkataan yang diadukan berunsur fitnah, di dalam kes *Jones v. Skelton* [1963] 3 All ER 952 Lord Morris pada mukasurat 958 telah mengatakan:

E

> The ordinary and natural meaning of words may be either the literal meaning or it may be an implied or inferred or an indirect meaning: any meaning that does not require the support of extrinsic facts passing beyond general knowledge but is a meaning which is capable of being [7] detected in the language used can
F be a part of the ordinary and natural meaning of words (see *Lewis v. Daily Telegraph Ltd.* [1963] 2 All ER 151]. The ordinary and natural meaning may therefore include any implication or inference which a reasonable reader, guided not by any special but only by general knowledge and not fettered by any strict legal rules of
G construction, would draw from the words. The test of reasonableness guides and directs the court in its function of deciding whether it is open to a jury in any particular case to hold that reasonable persons would understand the words complained of in a defamatory sense.

H **[14]** Mahkamah telah meneliti secara keseluruhan kandungan P2 tersebut. Mahkamah berpuashati bahawa kandungan P2 tersebut memang sebenarnya mengandungi unsur-unsur fitnah di mana kesannya adalah untuk merendahkan reputasi dan martabat sesiapa sahaja yang ditujukannya, iaitu plaintif 1 dan 2 dalam kes ini.

I **[15]** Dari keterangan SP1 iaitu plaintif kedua sendiri, kesan daripada penyataan yang dibuat terhadap beliau menurut makna yang biasa difaham terhadap plaintif pertama:

a. Plaintif pertama menggunakan hartanah tersebut sebagai tempat membuang sampah;

b. terdapat kehadiran 'leachate' cecair yang terhasil dalam satu tempat pelupusan sampah daripada pereputan sisa-sisa di dalam tempat pelupusan sampah tersebut, di Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan;

c. Plaintif pertama telah secara sembarangan membenarkan 'leachate' dari Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan untuk mengalir ke dalam parit-parit tanah di kawasan tersebut dan Sungai Langat dan oleh sebab itu air di dalamnya telah menjadi hitam dan toksik;

d. Plaintif pertama telah mendapat keuntungan daripada kesengsaraan penduduk-penduduk Tanah Rancangan Belia, Bukit Changgang, Banting, Selangor;

e. Plaintif pertama adalah bersalah mencemari alam sekitar sehingga menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk Tanah Rancangan Belia, Bukit Changgang, Banting, Selangor;

f. Plaintif pertama telah melupuskan najis dan tahi dan sisa-sisa kimia berbahaya yang dikutip daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur City Center ke dalam parit-parit tanah di kawasan sekeliling Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan;

g. Plaintif kedua, dengan menangis dan digambarkan sebagai menunjukkan kekesalan, telah mengaku kepada dakwaan-dakwaan salah laku berkenaan plaintif pertama;

h. Plaintif pertama, dengan beroperasi di Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan, telah melayan alam sekitar secara ganas, membinasakan, atau menganiaya;

i. Plaintif pertama, dengan secara terus-menerus melaksanakan kerja-kerja di Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan pada 8 Mac 2006 sedikitpun tidak mengambil peduli undang-undang, adalah degil dan/atau biadap;

j. Tindakan plaintif pertama, dengan cuba untuk membina satu parit sambungan untuk membolehkan 'leachate' untuk mengalir ke dalam parit tanah yang bersempadan dengan kawasan

Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan, adalah licik, keji dan tidak bermoral dan/atau tidak mempunyai nilai keadilan atau integriti langsung;

k. Plaintif pertama, dengan cuba untuk membina satu parit sambungan ke parit tanah bersempadan dengan kawasan Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan, telah bertindak mengabaikan undang-undang secara terang-terangan sehinggakan plaintif pertama hanya dapat dihentikan dengan pengimpauan 'excavator' mereka dan tindakan tegas akan diambil terhadap plaintif pertama oleh pihak berkuasa sebagai teladan kepada yang lain;

l. Plaintif pertama, sebuah syarikat yang dikontrak untuk mengutip dan melupuskan kedua-dua bahan-bahan sampah/sisa-sisa "basah" dan "kering" untuk Malaysian Airline System Berhad, Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd, LSG Sky Chefs Brahim Sdn. Bhd. dan KLCC Urusharta Sdn. Bhd, tidak boleh diharapkan untuk melakukan kerja yang betul, adalah tidak bertanggungjawab dan tidak layak untuk melaksanakan tugasan yang diberikan kepada mereka dan telah menyalahgunakan kepercayaan majikan-majikan mereka dan sepatutnya dipecat;

m. Plaintif pertama telah terlibat dengan pelupusan secara sembarangan bahan-bahan merbahaya yang sepatutnya dilupuskan di tapak-tapak yang sesuai dan bukan di Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan dengan demikian mendedahkan alam sekitar kepada risiko kemusnahan yang selanjutnya; dan

n. Plaintif pertama tidak mempunyai integriti atau moral untuk berkeupayaan untuk melaksanakan tugas yang diberikan kepada mereka dan merupakan punca keaiban (embarrassment) kepada Malaysian Airline System Berhad, Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd, LSG Sky Chefs Brahim Sdn. Bhd. dan KLCC Urusharta Sdn. Bhd, masing-masing.

Selanjutnya, melalui perkataan-perkataan, gambaran visual dan gerak isyarat tersebut secara sindiran defendan-defendan bermaksud dan difahamkan untuk bermaksud bahawa:

o. Plaintif pertama adalah terlibat dengan amalan rasuah;

p. Plaintif pertama telah melaksanakan satu operasi secara rahsia dari awal-awal lagi;

q. Plaintif pertama telah beroperasi tanpa lesen yang betul; dan

r. Plaintif pertama akan akhirnya mengkhianati kepercayaan yang diberikan kepada mereka oleh Malaysian Airline System Berhad, Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd, LSG Sky Chefs Brahim Sdn. Bhd. dan KLCC Urusharta Sdn. Bhd, masing-masing, dan syarikat-syarikat tersebut akan dibiarkan untuk menanggung akibat-akibat pengkhianatan tersebut secara sendirian.

**[16]** Akibat daripada itu, plaintif pertama telah mengalami kerosakan dalam kewibawaan dan reputasinya dalam perniagaan diseret kepada skandal awam, kebencian dan penghinaan dan menanggung kerugian.

**[17]** Terhadap plaintif kedua difahamkan bermaksud:

a. Yang plaintif kedua telah mengaku kepada melakukan satu kesalahan atau kesalahan-kesalahan dan berasa kesal dan dilanda oleh perasaan bersalah;

b. Plaintif kedua seorang peniaga wanita yang tidak jujur, tidak prihatin, manipulasi dan tidak ikhlas;

c. Plaintif kedua seorang yang tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai integriti.

**[18]** Akibat daripada itu, plaintif kedua terasa dihina atau dibenci, dicemuh dan reputasinya dalam perniagaan terjejas.

**[19]** Kesan penyataan yang dibuat oleh defendan-defendan dalam P2 tersebut telah merendahkan plaintif-plaintif dalam pandangan masyarakat yang berfikiran wajar secara amnya.

**[20]** Di dalam buku *"Gatley On Libel and Slander"* Edisi 9, penulisnya telah menyatakan:

> Any imputation which may tend to lower the Plaintiff in the estimation of right thinking members of society generally, to cut him off from society or to expose him to hatred, contempt or ridicule is defamatory of him.

**[21]** Mahkamah berpuashati dan berpendapat bahawa kandungan-kandungan dalam P2 tersebut berunsur fitnah terhadap plaintif pertama dan plaintif kedua. Setelah meneliti keseluruhan kandungan P2, konteks di mana penyataan-penyataan tersebut dibuat menguatkan lagi unsur fitnahnya.

**[22]** Adalah penghakiman saya bahawa kandungan P2 merujuk kepada plaintif-plaintif. Perkataan-perkataan yang diadukan adalah bertujuan untuk mengakibatkan plaintif-plaintif dibenci, dipersenda atau dihina dalam minda seorang yang munasabah atau samada perkataan-perkataan tersebut berkecenderungan untuk merendahkan plaintif-plaintif dalam pandangan ahli-ahli masyarakat yang berfikiran waras secara amnya dan khasnya, di dalam kes ini, pada pandangan penonton-penonton yang munasabah yang menonton kandungan P2 melalui siaran Buletin Utama TV3, saya berpuashati dari keterangan yang dikemukakan oleh plaintif ianya telah berjaya dibuktikan oleh plaintif-plaintif.

**[23]** Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan bahawa kandungan dalam P2 merupakan penyataan-penyataan yang berunsur fitnah terhadap plaintif-plaintif.

*ii. Telah diterbitkan kepada Pihak Ketiga (Penerbitan) Melalui Penyatan Fakta-Fakta Yang Dipersetujui:*

Adalah fakta yang dipersetujui antara plaintif-plaintif dan defendan bahawa kandungan P2 telah diterbitkan dengan cara menyiarkan untuk empat malam berturut-turut bermula pada 7 Mac 2006, 8 Mac 2006, 9 Mac 2006 dan 10 Mac 2006 semasa perjalanan satu siri laporan-laporan untuk satu program televisyen bertajuk "Buletin Utama" yang disiarkan di TV3 di antara 8 malam hingga 9 malam. Defendan-defendan telah menyiarkan perkataan-perkataan, gambaran-gambaran visual dan gerak-gerak isyarat seperti di dalam P2.

**[24]** Bagi pengakuan defendan-defendan mengenai fakta-fakta di atas, maka s. 58 Akta Keterangan 1950 terpakai.

**[25]** Seksyen ini berbunyi:

Section 58. Facts admitted need not be proved.

(1) No fact need be proved in any proceeding which the parties thereto or their agents agree to admit at the hearing or which before the hearing they agree to admit by any writing under

their hands, or which by any rule of pleading in force at the time they are deemed to have admitted by their pleadings: Provided that the court may, in its discretion, require the facts admitted to be proved otherwise than by such admissions.

**[26]** Daripada kedudukan di atas adalah jelas bahawa keadaan-keadaan berikut tidak perlu dibuktikan:

i. Pengakuan pada masa perbicaraan;

ii. Pengakuan secara bertulis sebelum perbicaraan, dan

iii. Pengakuan di dalam pliding.

Keadaan yang terpakai dalam kes ini adalah keadaan (ii).

**[27]** Sepanjang perbicaraan, isu ini tidak dinafikan malah diakui oleh defendan-defendan di dalam pliding mereka. Oleh itu soal beban pembuktiannya tidak timbul. Ianya telah sedia terbukti kerana telah diakui oleh defendan-defendan. Jadi isu mengenai penerbitan telah dibuktikan.

*iii. Samada Penyataan Fitnah Ditujukan Kepada Plaintif-plaintif:*

Isu ketiga dan terakhir yang perlu dibuktikan oleh plaintif-plaintif, atas imbangan kebarangkalian bahawa penyataan-penyataan berunsur fitnah berkenaan ditujukan kepada plaintif-plaintif. Tidak perlu untuk plaintif-plaintif dirujukkan kepada nama mereka. Plaintif-plaintif boleh dirujuk dengan karikatur, nama samaran, lukisan, gambar dan lain-lain lagi.

Di dalam kes ini, plaintif kedua tidak dinamakan tapi di dalam P2 jelas menunjukkan gambar plaintif kedua yang sedang berkata, "Encik Karam tolonglah jangan masukan kat TV, saya malu. Tolonglah ini last time, kalau jadi lagi, masuklah, takpe, saya janji".

Plaintif kedua adalah Pengarah pada plaintif pertama yang menjalankan perdagangan menyediakan kutipan dan pelupusan sampah atau sisa pepejal dan merupakan kontraktor kepada Malaysia Airline System Berhad, Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd, LSG Sky Chefs Brahim Sdn. Bhd. dan KLCC Urusharta Sdn. Bhd.

Di dalam tindakan ini plaintif-plaintif tidak dirujuk dengan nama mereka.

Isu samada penyataan fitnah yang dipersoalkan itu merujuk kepada plaintif-plaintif merupakan persoalan undang-undang.

Adalah undang-undang matan bahawa elemen penting dalam tindakan berkenaan dengan fitnah adalah bahawa "the words or matter complained of refer to the plaintiff. Unless it is alleged and proved that the subject matter of the action was published of and concerning the plaintiff, the action is bound to fail" – *Carter Rack on Libel and Slander* pada ms 54.

Dalam menentukan isu identiti, ujian adalah ujian objektif. Dinyatakan oleh Lord Guest in *Morgan v. Odhams Press Ltd* [1971] WLR 1239 pada ms 1261:

> In my view, a somewhat more exacting test should be predicated where the question is one of identity. It is not sufficient for the reader to say "I wonder if the article refers to Jonny Morgan" nor is pure speculation sufficient. Nor is it sufficient that reasonable person believes that the words refer to the Plaintiff. The test is an objective one. The ordinary reader must be fair minded and not avoid for scandal. He must not be unduly suspicious. The ordinary reader must have rational grounds for his belief that the words refer to the Plaintiff.

Terdapat dua cara bagi membuktikan identiti. Ianya seperti berikut:

a. Dengan kemukakan saksi-saksi untuk memberi keterangan mengenai penyataan yang menjadi persoalan yang membawa maksud atau kefahaman bahawa penyataan-penyataan tersebut merujuk pada plaintif-plaintif atau;

b. Penonton-penonton TV3 yang menyiarkan penyataan berunsur fitnah berkenaan (P2) secara munasabah memahami bahawa penyataan-penyataan tersebut merujuk kepada plaintif-plaintif.

**[28]** Di dalam kes *Le Mercier's Fine Furnishings Pte. Ltd & Anor v. Italcomm (Malaysia) Sdn Bhd* [1996] 3 CLJ 590, diputuskan:

> Although the plaintiffs are not expressly named, the words may still be considered to be referred to the plaintiffs, if the ordinary sensible readers with knowledge of special facts could and did understand them to be referred to the plaintiffs. For this, there

must be some extrinsic facts so known to some readers who knew the plaintiffs, such that, these readers would understand that it was the plaintiffs that were being referred to. Again, the test here is that of a reasonable sensible man.

**[29]** House of Lords di dalam kes *Knupffer v. London Express Newspaper Ltd* [1944] AC 116 pada ms 119 menyatakan:

Where the plaintiff is not named, the test which decides whether the words used refer to him is the question whether the words are such as would reasonably lead persons acquainted with the plaintiff to believe that he was the person referred to.

**[30]** Di dalam kes *David Syme & Co. v. Canavan* [1918] 25 CLR 234, Mahkamah Tinggi di Australia, di dalam menentukan identiti plaintif di dalam kenyataan yang dikatakan memfitnah memutuskan:

The test is whether words that do not specifically name the Plaintiff refer to him or not is this: Are they such as reasonably in the circumstances would lead persons acquainted with the Plaintiff to believe that he was the person referred to?. That does not assume that those persons who read the words know all the relevant facts. But although the Plaintiff is not named in words, he may, nevertheless, be described so as to be recognized; and whether that description takes the form of word-picture of an individual or the form of a reference to a class of persons of which he is or is believed to be a member, or any other form, if in the circumstance the description is such that a person hearing or reading the alleged libel would reasonably believe that the Plaintiff was referred to, that is a sufficient reference to him.

**[31]** Di dalam tindakan ini, kandungan P2 diakui oleh defendan-defendan melainkan ianya merujuk atau ditujukan pada plaintif pertama dan plaintif kedua. Tidak dinafikan oleh defendan-defendan bahawa kandungan P2 telah disiar dalam Buletin Utama TV3 pada masa-masa yang material. TV3 merupakan sebuah stesyen TV yang mempunyai ramai penonton-penonton dan saya mengambil 'judicial notice' tentang perkara ini.

**[32]** Bagi penonton yang munasabah yang menonton kandungan P2 yang menonton gambar plaintif kedua yang dipertontonkan itu dengan defendan pertama menyatakan aktiviti pembuangan sampah itu dilakukan oleh kontraktor, maka saya dapati bahawa rujukan yang jelas telah ditujukan pada plaintif pertama dan plaintif kedua.

**[33]** Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan saya berpandangan bahawa bagi seseorang penonton yang munasabah yang menonton kandungan P2 akan memahami bahawa penyataan berunsur fitnah dalam P2 isu ditujukan kepada plaintif pertama dan plaintif kedua.

**[34]** Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan di atas, mahkamah berpuashati dan memutuskan bahawa plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan-defendan. Oleh itu berdasarkan keputusan Mahkamah Agong di dalam kes *S. Pakianathan v. Jenni Ibrahim & Another Case* [1988] 1 CLJ 771; [1988] 1 CLJ (Rep) 233 dan kes *Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor* [1966] 1 LNS 5, beban sekarang adalah berpindah ke bahu defendan-defendan untuk mengemukakan pembelaan-pembelaan mereka.

**[35]** Defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga telah kemukakan pembelaan-pembelaan seperti berikut:

a. Pembelaan justifikasi di mana semua kandungan P2 adalah benar dari segi kandungan dan fakta, dan/atau secara alternatif;

b. Perlindungan bersyarat, dan/atau secara alternatif;

c. Pembelaan kepentingan awam Reynolds.

*a. Pembelaan Justifikasi*

**[36]** Dalam menimbangkan pembelaan justifikasi s. 8 Akta Fitnah 1957 telah memperuntukkan mengenai pembelaan justifikasi ini. Seksyen 8 menyatakan:

> In an action for libel or slander in respect of words containing two or more distinct charges against the Plaintiff, a defence of justification shall not fail by reason only that the truth of every charge is not proved if the words not proved to be true do not materially injured the Plaintiff's reputation having regard to the truth of the remaining charges.

**[37]** Di dalam buku *Gatley on Libel And Slander*, Edisi 11 pada perenggan 11.9 ms 320-321 menyatakan:

> 11.9. Substantial justification sufficient. However, for the purposes of justification, if the defendant proves that "the main charge or gist, of the libel" is true, he need not justify statements or comments which do not add to the sting of the charge or introduce any matter by itself actionable.

> It is sufficient if the substance of the libelous statement be justified; it is unnecessary to repeat every word which have been the subject of the original comment. As such must be justified as meets the sting of the charge, and if anything be contained in a charge which does not add to the sting of it, that need not be justified.
>
> When considering substantial truth it is important to "isolate the essential core of the libel and not to be distracted by inaccuracies around the edge – however substantial."

**[38]** Mengenai fakta tentang pencemaran alam sekitar telah juga diakui oleh plaintif-plaintif di dalam perenggan 16 sehingga 26 penyata tuntutan terpinda plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif dengan itu mengakui bahawa kandungan P2 yang disiarkan di dalam Buletin Utama TV3 itu adalah benar. Pengakuan ini mengukuhkan lagi fakta yang plaintif-plaintif tidak mendakwa di dalam penyata tuntutan terpinda mereka yang kandungan P2 itu adalah palsu.

**[39]** Dari keterangan-keterangan SD1 adalah dibuktikan bahawa:

- pencemaran alam sekitar tersebut tidak pun ditangani atau diatasi ketika siri-siri laporan tersebut diterbitkan.
- penduduk kampung daripada Kampung Rancangan Tanah Belia, Banting telah jatuh sakit dengan kerap dan menanggung perbelanjaan perubatan yang banyak disebabkan pencemaran alam sekitar yang dipersoalkan itu.
- kawasan yang dicemari oleh plaintif pertama mempunyai kawasan sebesar 1 ekar dan telah dilonggokkan dengan kepingan-kepingan timah dan zink setinggi 4 hingga 5 meter agar pencemaran alam sekitar tersebut tidak dapat diperhatikan.
- sehingga pada sekitar waktu sorotan tersebut, lori-lori yang sarat dengan bahan buangan termasuk najis manusia kesemuanya terdapat tanda/papan tanda plaintif pertama di lori-lori tersebut keluar masuk kawasan yang dipersoalkan itu. Mereka mencampakkan/membuang bahan buangan mereka itu ke kawasan tersebut dan kemudiannya pergi dan kembali dengan muatan bahan buangan yang baru dan mencampak/membuang lagi bahan buangan tersebut dan seterusnya.

– sebuah kolam sebesar 5 atau 6 meter persegi yang bersebelahan dengan kawasan yang dipersoalkan, melimpah dengan Leachate yang bertoksid. Limpahan tersebut mengalir ke dalam sistem saliran kampung yang dipersoalkan.

– sehingga pada waktu sorotan tersebut diterbitkan, satu kawasan baru telah diratakan dengan jentolak untuk menyediakan satu saliran baru bagi Leachate tersebut untuk mengalir ke dalam sekitaran setempat.

**[40]** Saya dapati fakta-fakta di atas adalah benar.

**[41]** Mengenai dengan Leachate, bertoksid yang wujud di kawasan pencemaran seperti di dalam P2 disahkan oleh SD1 yang memang berpengalaman dan tahu tentang Leachate bahawa wujud Leachate bertoksid yang menambahkan lagi pencemaran alam.

**[42]** Plaintif cuba membuktikan bahawa Leachate yang bertoksid tersebut tidak wujud pada kawasan pencemaran tersebut. Plaintif kemukan laporan pakar beliau melalui P23 walaubagaimanapun laporan pakar itu dibuat di atas lawatan dan pemeriksaan yang dibuat pada 17 Mac 2006 iaitu selepas daripada tarikh kejadian. Laporan P23 ini tidak dapat menyangkal keterangan SD1 bahawa wujudnya Leachate bertoksid di kawasan pencemaran tersebut.

**[43]** Dengan itu saya putuskan penyataan SD1 tentang wujudnya Leachate bertoksid yang berwarna hitam pekat kotor seperti didalam P2 adalah satu fakta yang benar.

**[44]** Pihak plaintif ada menghujahkan bahawa pembelaan defendan-defendan seperti di perenggan 6.1, 6.2, 12.1 dan 12.2 di dalam penyata pembelaan telah dibatalkan melalui permohonan plaintif dibawah A. 18 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi. Walaubagaimana pun, saya dapati daripada keseluruhan keterangan pembelaan defendan-defendan, defendan-defendan masih dapat membuktikan pembelaan mereka.

*b. Perlindungan Bersyarat*

**[45]** Defendan-defendan telah memplikan pembelaan perlindungan bersyarat dan menghujahkan isi kandungan P2 adalah diterbitkan oleh defendan-defendan dalam satu keadaan yang dilindungi oleh perlindungan bersyarat di bawah undang-undang lazim.

**[46]** Mahkamah berpendapat pembelaan perlindungan bersyarat hanya terpakai di dalam keadaan di mana ujudnya keadaan yang dilindungi.

**[47]** Lord Atkinson di dalam kes *Adam v. Ward* [1917] AC 309 di ms 334 memutuskan:

> A privilege occasion is an occasion ... where the person who makes a communication has an interest or duty, legal, social or normal to make it to the person to whom it is made, and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty of receive it the reciprocity is essential.

**[48]** Di dalam buku *"The Law of Defamation in Singapore and Malaysia"* 2nd edn oleh Keith R. Evans, di ms 62, penulisnya menyatakan:

> Qualified Privilege is a right limited to an individual who stands in such relation to the circumstances that he is entitled to say or write that which would be libelous on the part of anyone else. A privilege occasion is one which the privileged person is entitled to say something which no one who is within the privilege is entitled to say on that occasion.

**[49]** Bagi menentukan samada 'privilege occasion' ujud di dalam tindakan ini ianya merupakan isu undang-undang yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini dan adalah menjadi beban kepada defendan-defendan untuk membuktikan fakta dan keadaan yang boleh menimbulkan 'privilege occasion'. Dalam konteks ini mahkamah bersetuju dan menerimapakai prinsip undang-undang yang telah diputuskan oleh Richard Malanjum J di dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub v. Bre Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 LNS 304 di mana beliau memutuskan:

> It is a settled law that it is for the Defendants to prove the facts and circumstances which established the occasion as qualified privilege when the words complained of were published.

**[50]** Daripada otoriti-otoriti di atas, jelas menunjukkan bahawa bagi mengujudkan 'privilege occasion' mestilah terdapat satu hubungan dua hala 'reciprocity' di antara defendan-defendan dengan orang yang ditujukan untuk menerima atau penonton-penonton TV3. Defendan-defendan perlu mempunyai kepentingan atau tanggungjawab atau kewajipan untuk mendedahkan penyataan tersebut kepada orang yang menerimanya atau penonton-penonton TV3 di mana mereka juga mempunyai kepentingan atau tanggungjawab untuk menerimanya.

**[51]** Setelah meneliti keseluruhan keterangan di dalam kes ini mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa defendan-defendan telah berjaya membuktikan ujudnya 'privilege occasion' di dalam mana P2 tersebut disiar atau diterbitkan oleh defendan-defendan.

**[52]** Alasan utama mengapa mahkamah berpendapat sedemikian ialah kerana kandungan P2 tersebut adalah merupakan penyataan fakta yang berasas dan kebenaran atau kesahihannya dapat dan telah dibuktikan. Kandungan P2 adalah benar. 'Privilege communication' merujuk kepada 'communication' berdasarkan fakta yang benar.

**[53]** Keterangan SD1 bahawa beliau telah mendapat maklumat dari Ketua Kampung berkenaan lalu beliau ke tempat seperti di dalam P2 dan beliau dapati terdapat pencemaran alam sekitar seperti di dalam P2. Kandungan P2 jelas menunjukkan pencemaran alam yang amat menjijikkan.

**[54]** Defendan-defendan menghujahkan mereka layak dilindungi di bawah perlindungan bersyarat memandangkan perkara yang disampaikan kepada orang awam adalah menyentuh soal kepentingan awam.

**[55]** Berkenaan dengan pembelaan perlindungan bersyarat ini, Lord Atkinson di dalam kes *Adam v. Ward* [1917] AC 309 pada ms 334 mengatakan:

> ... a privileged occasion is, in reference to qualified privilege, an occasion where the person who makes a communication has an interest or a duty, legal, social or moral, to make it to the person to whom it is made, and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty to receive it. This reciprocity is essential.

**[56]** Penyiaran kandungan P2 adalah diterbitkan dalam keadaan perlindungan bersyarat. Sebagai satu stesen televisyen yang terkemuka, defendan-defendan mempunyai tanggungjawab untuk menyampai dan menyebarkan maklumat yang berkepentingan awam kepada orang awam yang mempunyai kepentingan untuk menerima maklumat sebegini.

**[57]** Kandungan P2 yang disiarkan itu mempunyai maklumat kepentingan awam negara berhubung dengan pencemaran alam sekitar di Kampung Rancangan Tanah Belia, Banting, Kuala

Langat, Selangor. Orang awam adalah berhak untuk dimaklumkan mengenai pencemaran alam sekitar agar mereka tidak menderita akibat penyakit daripada pencemaran alam sekitar dan hidup didalam suasana yang nyaman bebas dari pencemaran.

**[58]** Untuk tujuan itu mahkamah merujuk pada kes *Blackshaw v. Lord* [1983] 2 All ER 311 di ms 327 di mana Stephenson LJ telah memutuskan:

> Public interest and public benefit are necessary ... but not enough without more. There must be a duty to publish to the public at large and an interest in the public at large to receive the publication and a section of the public is not enough.

**[59]** Oleh yang demikian mahkamah memutuskan bahawa defendan-defendan telah berjaya mendapatkan perlindungan di bawah 'qualified privilege' di dalam menyiar dan menerbitkan kandungan P2 yang bersifat memfitnah plaintif 1 dan 2 kerana di dalam tindakan ini terdapat 'reciprocity' ataupun 'common and corresponding duty or interest' di antara defendan-defendan dengan orang yang menerima kandungan P2 atau penonton-penonton TV3 di mana mereka juga mempunyai kepentingan atau tanggungjawab untuk menerimanya. Saya juga dapati siaran kandungan P2 tidak mempunyai unsur 'malice'.

**Pembelaan Kepentingan Awam Reynolds**

**[60]** Untuk pembelaan kepentingan awam Reynolds terpakai, dua unsur perlu dipatuhi iaitu:

i. kandungan penyataan-penyataan atau laporan-laporan mestilah berkepentingan awam,

ii. Defendan-defendan telah berkelakuan dengan munasabah dalam penerbitan laporan-laporan tersebut.

**[61]** Di dalam tindakan ini kandungan P2 yang disiarkan itu (iaitu pencemaran alam sekitar) adalah satu perkara kepentingan awam. Rakyat-rakyat, hidupan liar dan ekosistem dalam kawasan sekeliling akan terdedah kepada risiko yang teruk dalam amalan pembuangan bahan-bahan buangan dan sisa-sisa yang tidak ditangani dengan penuh tanggung jawab. Perbuatan pencemaran seperti di dalam P2 ini akan menjejaskan orang awam secara umumnya dan tidak pada segelintir individu.

**[62]** Orang awam adalah jelas berhak untuk dimaklumkan tentang perkara yang berhubungan dengan alam sekitar. Perkara ini adalah berkepentingan awam bahawa kesalahan tingkahlaku terhadap alam sekitar perlu didedahkan kepada perhatian awam demi untuk kepentingan awam.

**[63]** Siri-siri laporan di dalam tindakan ini merupakan laporan mengenai fakta. Sumber maklumat boleh dipercayai keseluruhannya. Mengikut keterangan SD1 beliau menerima maklumat dari penduduk kampung berkenaan dan maklumat disampaikan pada SD1 melalui Ketua Kampung iaitu Encik Rahim Komari. Plaintif-plaintif juga di dalam penyata tuntutan terpinda, beliau juga mengakui ada menerima aduan dari penduduk kampung tentang aduan pencemaran ini. SD1 sendiri nampak akan pencemaran berkenaan dan keterangan beliau disokong dengan gambar-gambar pencemaran seperti yang terdapat dalam P2. P2 diakui oleh plaintif-plaintif jadi jelas beliau mengaku pada pencemaran yang berlaku begitu teruk dan memalukan sekali.

**[64]** Pencemaran yang datang dari Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan kepunyaan plaintif-plaintif telah mendapat pengesahan daripada beberapa jabatan kerajaan termasuklah Pejabat Tanah, Majlis Daerah Kuala Langat dan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, semuanya mempunyai wakil di tapak dimana pencemaran alam berlaku.

**[65]** Tiada terdapat sensasi atau kemasyuran yang tidak wajar. Dalam keadaan ini saya berpendapat yang penyiaran adalah munasabah dan defendan-defendan telah melaksanakan tugas-tugas kewartawanannya dengan penuh tanggungjawab. Pada keseluruhan siaran kandungan P2 itu saya dapati tidak ada niat jahat dari defendan-defendan dalam menyiarkan siri-siri laporan berkenaan.

**[66]** Dalam kes *Halim Arsyat v. Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Ors* [2001] 7 CLJ 268 mahkamah memutuskan:

> It is clear therefore that our highest court has accepted, following *Reynolds v. Times Newspapers Ltd* [1998] 3 WLR 863 the test for determining privileged occasions as being crystallised into three specific questions:
>
> 1. Was the publisher under a legal, moral or social duty to those to whom the material was published (which in appropriate cases, as noted above, may be the general public) to publish the material in question? (We call this the duty test.)

2. Did those to whom the material was published (which again in appropriate cases may be the general public) have an interest to receive that material? (We call this the interest test.)

3. Were the nature, status and source of the material, and the circumstances of the publication, such that the publication should in the public interest be protected in the absence of proof of express malice? (We call this the circumstantial test.)

**[67]** Pada pandangan saya, ketiga-tiga soalan di atas memberi jawapan positif yang mengesahkannya. TV3 adalah sebuah stesen televisyen yang menyiarkan antaranya termasuklah berita-berita tempatan. Laporan-laporan mengenai pencemaran alam sekitar merupakan isu yang berkepentingan awam. Media memain peranan penting dalam perkongsian maklumat kepentingan awam dengan orang awam.

**[68]** Apabila pencemaran alam berlaku di Malaysia, satu penyebar maklumat seperti defendan-defendan mempunyai tanggungjawab untuk menyebarkan maklumat agar orang awam diberi pengetahuan dan amaran dan isu boleh ditangani oleh pihak berkuatkuasa yang berkaitan.

**[69]** Saya dapati defendan-defendan mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menyiarkan kandungan P2 yang diadukan kepada orang awam yang mempunyai kepentingan yang sama untuk menerimanya.

**[70]** Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas saya berpuas hati bahawa defendan-defendan telah berjaya membuktikan pembelaan-pembelaan mereka terhadap tuntutan plaintif-plaintif. Dengan itu tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan ditolak dengan kos.